



PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL.2/96

PENAMBAHAN DAN PENGEMASKINIAN SENARAI KURSUS DI LAMPIRAN A, PERJANJIAN PERKHIDMATAN SKIM PERLA.

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan penyedia latihan mengenai prosedur bagi menambah kursus atau mengemaskini senarai kursus di Lampiran A kepada Perjanjian Perkhidmatan Skim PERLA.

2. PROSEDUR PENAMBAHAN DAN PENGEMASKINIAN SENARAI KURSUS DI LAMPIRAN A, PERJANJIAN PERKHIDMATAN SKIM PERLA.

2.1 Senarai kursus di Lampiran A kepada Perjanjian Perkhidmatan Skim PERLA boleh dikemaskini sekiranya terdapat program-program latihan baru yang mendapat pengiktirafan sebagai program latihan yang diluluskan di bawah Skim PROLUS dan setelah mendapat kelulusan mengenai perubahan yuran latihan bagi kursus-kursus di bawah Skim PROLUS. Pada masa ini, pengemaskinian senarai kursus di Lampiran A ini boleh dilakukan pada bila-bila masa dan ini menimbulkan masalah kelicinan perlaksanaannya.

2.2 Untuk melicinkan lagi pelaksanaan Skim PERLA ini, prosedur berikut hendaklah dipatuhi :-

- a) Program-program latihan yang baru sahaja mendapat tarag program Latihan Yang Diluluskan (PROLUS) hendaklah terlebih dahulu ditawarkan di bawah Skim PROLUS sebanyak dua kali sebelum ditawarkan di bawah Skim PERLA. Dengan demikian penambahan kursus-kursus berkenaan di senarai Lampiran A hanya akan diluluskan setelah kursus berkenaan ditawarkan dua kali di bawah Skim PROLUS. Bukti yang menunjukkan kursus berkenaan telah ditawarkan sebanyak dua kali seperti Borang Penilaian Peserta hendaklah disertakan bersama surat permohonan mengemaskini Lampiran A; dan
- b) Penambahan kursus ini pengemaskinian Lampiran A kepada Perjanjian Perkhidmatan PERLA adalah dibuat sebulan sekali.

3. PENUTUP

3.1 Pekeliling Penyedia Latihan Bi.2/96 ini berkuatkuasa mulai 16 Disember 1996.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAT)

Pengarah Bahagian Geran Latihan

b.p. Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

